



Untuk Siaran Serta-Merta

**CAT NIPPON ODOUR-LESS AIRCARE BARU  
MENYEGARKAN KUALITI UDARA DALAM RUMAH**

***Nippon Paint Lancarkan Cat Pertama Yang Menyegarkan Kualiti Udara  
Dalam Bangunan***

**Petaling Jaya, 26 Mei 2010** – Nippon Paint, jenama cat yang terkenal di Malaysia, telah melancarkan cat generasi baru, *NIPPON ODOUR-LESS AIR CARE*. Cat ini merupakan inovasi pertama di negara ini yang menggunakan teknologi alam mesra yang boleh menyerap formaldehid berbahaya dan menyegarkan udara.

Berucap di majlis pelancaran hari ini, Pengarah Urusan Nippon Paint (Malaysia) Sdn Bhd, Encik Yaw Seng Heng, berkata, “Nippon Paint Malaysia sentiasa menyokong inisiatif dalam menggalakkan kelestarian alam sekitar supaya kesejahteraan alam sekitar dan kesihatan kita diutamakan. Sejak 2006, kami telah memulakan langkah proaktif dalam industri cat dengan melancarkan cat tanpa bau yang pertama, iaitu *Nippon Odour-less Premium All-in-1*, yang juga produk hampir sifar sebatian organik meruap (VOC). VOC adalah pencemar udara yang membahayakan alam sekitar dan kesihatan kita. Sejak itu, semua inovasi baru kami adalah amat rendah VOC. Pada hari ini, saya dengan sukacitanya menyatakan bahawa Rangkaian Pilihan Hijau (Green Choice Range) Nippon Paint Malaysia menawarkan rangkaian lengkap cat mesra kesihatan dan mesra alam untuk konkrit, kayu dan logam.”

Sebagai pengiktirafan dalam usaha untuk mempromosi dan membaiki kelestarian alam sekitar dalam industri cat, Nippon Paint menjadi satu-satunya syarikat cat di Malaysia yang menerima anugerah berprestij, Anugerah Kecemerlangan Hijau, daripada Frost & Sullivan pada tahun 2009.

*NIPPON ODOUR-LESS AIRCARE* mengukuhkan kepimpinan syarikat dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan inovasi. Sebagai jenama cat No.1 di Malaysia, Nippon Paint adalah perintis dalam pembangunan produk hampir sifar VOC, yang kini sudah menjadi piawaian industri. *NIPPON ODOUR-LESS AIRCARE* meningkatkan lagi piawaian ini dengan memiliki inovasi teknologi paling canggih setakat ini yang dapat menyerap formaldehid yang berbahaya dan menyegarkan udara pada masa yang sama.

*NIPPON ODOUR-LESS AIRCARE* dicipta dengan formula khusus yang boleh disapukan pada permukaan dinding dalaman. Apabila AirCare bertindak balas dengan formaldehid berbahaya, ia akan menukarkannya kepada wap air, disamping menguatkan lapisan cat. Maka udara kekal segar dan bersih di rumah.

Formaldehid adalah pencemar udara yang sentiasa dalam semua rumah dan bangunan. Ia dibebaskan ke dalam udara daripada sumber-sumber seperti perabot, permaidani, lantai, almari dan kertas dinding. Pendedahan berterusan kepada formaldehid boleh mengakibatkan kerengsaan kulit dan hidung, asma, dan masalah pernafasan lain. Menurut Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), had maksimum formaldehid dalam ruang kediaman ialah 0.1 ppm (bahagian setiap juta) atau  $0.12\text{mg}/\text{m}^3$ . Tahap yang lebih tinggi boleh memudaratkan kesihatan.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Dr Juliana Jalaludin, Pensyarah Kanan, Unit Kesihatan Alam Sekitar dan Pekerjaan, Universiti Putra Malaysia, ia mendedahkan bahawa pencemaran udara dalam rumah dan bangunan telah menjadi ancaman umum di Malaysia. Kajian itu juga menunjukkan bahawa pencemar udara seperti formaldehid dalam rumah dan bangunan sukar dikesan kerana ia tidak boleh dilihat, tidak warna dan pengeluarannya yang berterusan adalah di tahap yang rendah; kadang kala bertahun. Oleh yang demikian, orang ramai kurang menyedari bahawa pendedahan kepada pencemar ini boleh menimbulkan masalah kesihatan.

“*NIPPON ODOUR-LESS AIRCARE* menggunakan kepakaran dan pengalaman Nippon Paint sebagai perintis untuk memenuhi keperluan pengguna zaman sekarang yang semakin arif memilih, dan menawarkan perlindungan daripada pencemar dalaman yang boleh membahayakan kesihatan dan melindungi alam sekeliling. Kami ingin menjamin kelestarian alam sekitar dan membaiki kualiti hidup,” jelas Yaw.

Selain itu, *NIPPON ODOUR-LESS AIRCARE* dicipta untuk memberi perlindungan dan prestasi tinggi, kerana ia tahan kulat, tahan sental walaupun melebihi 10,000 kali sentalan, mudah dibersihkan dan serta memberi kemasan kulit telur yang cantik dengan liputan cat yang cemerlang. Produk baru ini juga anti bakteria dan bebas daripada logam berat dan ammonia. Oleh itu, cat ini menjadi pilihan utama kepada pengguna yang mengutamakan kesihatan mereka dan alam sekitar.

*NIPPON ODOUR-LESS AIRCARE* yang termasuk dalam Rangkaian Pilihan Hijau Nippon Paint disahkan Green Label Singapore; pensijilan yang diberikan kepada produk mesra alam yang menepati piawaian ekologi dan Label Eko SIRIM yang diluluskan kerana mematuhi Piawaian 019 SIRIM bagi kategori cat.

“Dengan wujudnya budaya R&D Nippon Paint yang kuat, kami telah berjaya menghasilkan beberapa produk mesra alam yang menjadi perintis dan membolehkan kami mendapat pengiktirafan sebagai pakar cat. Kami amat teruja dengan tambahan terbaru ke dalam rangkaian produk kami kerana *NIPPON ODOUR-LESS AIRCARE* adalah satu lagi contoh kepakaran Nippon Paint . Ia merupakan faktor yang menjadikan kami pilihan nombor satu di kalangan pengguna di Malaysia, dan kami yakin bahawa produk baru ini akan diterima dengan baik oleh orang ramai di Malaysia,” kata Yaw.

*NIPPON ODOUR-LESS AIRCARE* baru boleh didapati dari semua pengedar Nippon Paint yang sah di Malaysia, kedai perkakasan dan juga rangkaian kedai DIY. Harga runcit yang disyorkan bagi setiap tin 5 liter ialah RM133. Ia juga boleh didapati di semua kedai Nippon Paint Colour Creations.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.nipponpaint.com.my](http://www.nipponpaint.com.my)

## **Mengenai Nippon Paint Malaysia**

Ditubuhkan pada tahun 1967, Nippon Paint Malaysia Sdn Bhd (NPM) mengeluarkan cat dan cat lapisan asas untuk kegunaan rumah dan perindustrian. Setakat ini, NPM mempunyai empat kilang pengeluaran di Malaysia. Dua daripadanya terletak di Shah Alam, sebuah di Johor Bahru dan sebuah lagi di Kota Kinabalu. NPM kini mengeluarkan lebih 10,000 rumusan cat yang berlainan untuk pasaran hiasan dan seni bina, automotif, perindustrian, lapisan perlindungan dan kapal penangkap ikan. Nippon Paint telah menerima Anugerah Kecemerlangan Hijau yang berprestij daripada Frost & Sullivan sebagai pengiktirafan kepada pencapaiannya dalam usaha memperjuangkan kelestarian alam sekitar dalam industri cat.

~ tamat ~

Dikeluarkan oleh : Nippon Paint (Malaysia) Sdn Bhd  
Melalui : Kim Chew Communications Sdn Bhd  
Jacqueline Arnold / Daisy Sidhu  
Tel: 03 - 7726 3430  
Faks: 03 - 7728 3432